



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**15 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 591 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 361,076 kes. Sebanyak lima (5) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Kota Belud, Kota Kinabalu, Kuala Penyu, Tenom dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,391 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 332,595 orang. Manakala 809 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 607 orang di hospital, 191 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, lapan (8) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 50 orang merangkumi 43 di ICU/repurposed kritikal *care* serta tujuh (7) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah meneruskan trend penurunan dengan catatan angka jangkitan baharu sebanyak 591 kes, iaitu penurunan 31 kes berbanding semalam.
- b. Nisbah daerah yang mencatatkan penurunan dan peningkatan kes agak seimbang hari ini. Sebanyak 13 daerah mencatatkan peningkatan kes dan 11 daerah mencatatkan penurunan kes. Hanya daerah Beaufort yang merekodkan penurunan kes baharu yang agak besar iaitu 30 kes setelah mencatatkan peningkatan 27 kes sebelumnya. Tiga (3) lagi daerah kekal sebagaimana catatan semalam. Peratusan jangkitan sporadik masih tinggi, hampir 63% daripada jumlah keseluruhan kes harian.
- c. Tiga (3) kluster diisytiharkan tamat oleh JKNS hari ini iaitu Kluster Jalan Bypass Kologon (Ranau), Kluster Simpangan (Beluran) dan Kluster Bukit Garam (Kinabatangan). Jumlah kluster yang masih aktif di Sabah ialah 22 kluster.
- d. Kota Kinabalu kekal sebagai satu-satunya daerah yang mencatat kes baharu tiga (3) angka dengan 174 kes, tetapi kurang 18 kes berbanding jumlah semalam. Sebanyak 16 daerah mencatatkan kes dua (2) angka dan lapan (8) daerah lagi mencatatkan kes satu (1) angka sahaja. Daerah Tambunan dan Tongod tidak mencatat sebarang kes baharu sepanjang 24 jam yang lalu.
- e. Sebanyak 582 atau 98.47% daripada 591 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, tiga (3) kes dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dalam Kategori 5.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	1	0.17%
2	Kontak	142	24.03%
3	Bergejala	372	62.94%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	76	12.86%
<b>JUMLAH</b>		<b>591</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (14 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 14/03/2022</b>	<b>Catatan Kes 15/03/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Keningau	16	35	+19
2	Tawau	6	18	+12
3	Telupid	6	12	+6
4	Kudat	7	13	+6
5	Beluran	3	7	+4
6	Tuaran	42	46	+4
7	Ranau	10	14	+4
8	Nabawan	2	5	+3
3	Kota Belud	20	22	+2
10	Kota Marudu	11	13	+2
11	Kunak	2	3	+1
12	Semporna	1	2	+1
13	Pitas	4	5	+1
14	Sipitang	18	18	Mendatar
15	Lahad Datu	6	6	Mendatar
16	Kinabatangan	7	7	Mendatar
17	Beaufort	47	17	-30
18	Kota Kinabalu	192	174	-18
19	Penampang	58	42	-16
20	Sandakan	34	26	-8
21	Tambunan	6	0	-6
22	Tenom	23	17	-6
23	Putatan	22	18	-4
24	Papar	53	50	-3
25	Kuala Penyu	21	19	-2
26	Tongod	2	0	-2
27	Kalabakan	3	2	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>622</b>	<b>591</b>	<b>-31</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	35	116	0	23	174	6081
Papar	0	20	29	0	1	50	1355
Tuaran	1	19	21	0	5	46	1451
Penampang	0	3	36	0	3	42	1677
Keningau	0	7	22	0	6	35	845
Sandakan	0	2	23	0	1	26	634
Kota Belud	0	5	15	0	2	22	673
Kuala Penyu	0	9	9	0	1	19	405
Tawau	0	1	16	0	1	18	763
Putatan	0	4	11	0	3	18	444
Sipitang	0	1	14	0	3	18	468
Beaufort	0	0	17	0	0	17	800
Tenom	0	4	12	0	1	17	533
Ranau	0	3	7	0	4	14	333
Kota Marudu	0	5	2	0	6	13	501
Kudat	0	5	7	0	1	13	266
Telupid	0	6	4	0	2	12	156
Beluran	0	5	2	0	0	7	182
Kinabatangan	0	4	1	0	2	7	152
Lahad Datu	0	0	1	0	5	6	352
Pitas	0	3	1	0	1	5	210
Nabawan	0	1	1	0	3	5	155
Kunak	0	0	2	0	1	3	60
Semporna	0	0	1	0	1	2	47
Kalabakan	0	0	2	0	0	2	75
Tongod	0	0	0	0	0	0	116
Tambunan	0	0	0	0	0	0	366
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>142</b>	<b>372</b>	<b>0</b>	<b>76</b>	<b>591</b>	<b>19,100</b>

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tuaran	Kluster Jalan Tambalang	1
<b>Jumlah</b>		<b>1</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,717 unit.

- Hospital 1,584 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,893 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.76%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 15 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	585
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	3
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
<b>Jumlah</b>	<b>591</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Iraq	1
Turki	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Selangor	3
<b>Jumlah</b>	<b>3</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	572
Bukan Malaysia	19
<b>Jumlah</b>	<b>591</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	42
Belum Menerima Vaksin (5-11)	28
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	47
Menerima 1 Dos	9
Lengkap 2 Dos	237
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	228
<b>Jumlah</b>	<b>591</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	9
1-4	33
5 -11	37
12-17	27
18-29	116
30-39	158
40-49	83
50-59	57
60-69	38
70-79	24
80-89	8
>90	1
<b>Jumlah</b>	<b>591</b>



## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 14 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,940 orang. Daripada jumlah ini, seramai 6,301 orang adalah penduduk dewasa, 92 orang adalah penduduk remaja dan 1,547 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 14 Mac 2022 adalah seramai 2,543,496 orang. Ini meliputi 2,130,443 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.42% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,404,170 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,088,163 orang atau 76.87% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,006 orang atau 77.90% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,007 atau 74.15% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 81,047 atau 19.70% orang telah menerima 1 dos vaksin.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)**

Setakat hari ini, sejumlah **684,524** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 209 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 42 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 798 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 558 premis perniagaan dan 933 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 68 Premis Perniagaan melibatkan 32 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 61 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di empat (4) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 231 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.4%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.8%
2	Beluran	98.7%
3	Kudat	98.6%
4	Kinabatangan	98.6%
5	Sipitang	98.6%
6	Keningau	98.5%
7	Kota Marudu	98.5%
8	Tenom	98.5%
9	Penampang	98.4%
10	Semporna	98.4%
11	Tuaran	98.4%
12	Ranau	98.4%
13	Sandakan	98.3%
14	Papar	98.3%
15	Lahad Datu	98.3%
16	Beaufort	98.3%
17	Tawau	98.2%
18	Kota Belud	98.2%
19	Kota Kinabalu	98.1%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**